



BIDANG TAMADUN & TOKOH
PRAKTIS 1 : SOALAN OBJEKTIF

- Pencalonan dibuat oleh khalifah Abu Bakar r.a.
- Wasiat Abu Bakar r.a. ditulis oleh Uthman bin Affan r.a.
- Pencalonan dipersetujui oleh orang ramai.

- 1 Pernyataan di atas merujuk kepada cara pelantikan khalifah _____.
A Muawiyah bin Abu Sufyan
B Abdul Malik bin Marwan
C Umar bin al-Khattab
D Harun al-Rashid
 - 2 Khalifah manakah pada zaman kerajaan bani Umayyah yang dianggap sebagai khalifah al-Rasyidin kelima bagi setengah ahli sejarawan.
A Muawiyah bin Abi Sufian
B Marwan bin al-Hakam
C Umar bin Abdul Aziz
D Abdul Malik bin Marwan
 - 3 Di antara jasa dan sumbangan Umar al Khatab r.a semasa menjadi khalifah ialah
A mengarahkan mengumpul tulisan al Quran
B menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara
C membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi
D menubuhkan beberapa jabatan untuk melicinkan pentadbiran negara
 - 4 Khalifah Abdul Rahman al-Dakhili telah menjadikan _____ sebagai pusat pemerintahan kerajaan Umayyah di Andalus (Sepanyol).
A Kufah
B Basrah
C Damsyik
D Cordova
- Mengasaskan kerajaan bani Abbasiah.
 - Menghapuskan pemberontakan.
- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan khalifah _____.
A Abu al-Abbas Abdullah al-Saffah
B Abu Jaafar al-Mansur
C Harun al-Rashid
D Al-Makmun
 - 6 Khalifah Muawiyah bin Abi Sufian telah menjadikan _____ sebagai pusat pemerintahan kerajaan Umayyah.
A Kufah
B Basrah
C Damsyik
D Cordova



- 7 X dalam rajah di atas ialah polisi pentadbiran khalifah _____.
- A Abu Bakar al-Siddiq r.a.
 - B Umar bin al-Khattab r.a.
 - C Uthman bin Affan r.a.
 - D Ali bin Abi Talib r.a.
- 8 Cukai manakah yang diperoleh daripada orang kafir zimmi yang tinggal di negara Islam pada zaman kerajaan bani Umayyah ?
- A Fai.
 - B Jizyah .
 - C Kharaj.
 - D Ghanimah.
- 9 Al Ghanimah ialah _____.
- A cukai tanah ke atas pemilik bukan Islam dalam negara Islam.
 - B cukai yang dikenakan ke atas kafir zimmi dalam negara Islam.
 - C harta rampasan daripada orang kafir harbi bukan melalui peperangan.
 - D harta yang diperoleh daripada orang bukan Islam melalui peperangan.
- 10 Kekuatan ekonomi Kerajaan Bani Umayyah ialah _____.
- A pertanian dan perdagangan
 - B perlombongan dan pertanian
 - C perlombongan dan perindustrian
 - D perindustrian dan perdagangan
- 11 Antara yang berikut yang manakah faktor perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman kerajaan bani Abbasiyah?
- I Usaha dan galakan khalifah
 - II Pembukaan wilayah-wilayah baru
 - III Pembinaan pelabuhan-pelabuhan baru
 - IV Aktiviti penterjemahan dalam pelbagai bidang
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 12 Pengaruh luar yang mendorong kepada kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah ialah _____.
- A Turki dan Parsi.
 - B Turki dan Hindi.
 - C Parsi dan Yunani.
 - D Hindi dan Yunani.



13 W dalam rajah di atas ialah sumbangan khalifah _____.

- A Al-Makmun.
- B Harun al-Rasyid.
- C Abu Jaafar al-Mansur.
- D Abu al-Abbas Abdullah al-Safah.



14 Y dalam rajah di atas ialah _____.

- A Ad-Dawawin
- B Dewan al-'Ard
- C Dewan al-Jund
- D Dewan al-Tasnif

- Pusat sumber
- Pusat penterjemahan
- Pusat penyelidikan ilmiah

15 Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi _____ pada zaman kerajaan bani Abbasiyah.

- A Madrasah Nizamiah
- B Darul Hikmah
- C Baitul Hikmah
- D Kuttab

16 Diwan al Jund pada zaman kerajaan Bani Abasiyah dikaitkan dengan _____.

- A pentadbiran
- B ketenteraan
- C pendidikan
- D kewangan

17 Semua yang berikut ialah sumbangan Imam Malik rahimahullah dalam bidang fekah **kecuali**

- A menghasilkan kitab al-Muwatto.
- B seorang ahli ijihad yang terkenal dan terkemuka.
- C ulama pertama yang menyusun kitab fekah mengikut bab dan fasal.
- D kitabnya menjadi sumber rujukan dalam ilmu tafsir, hadis dan fekah.

18 Semua yang berikut ialah kesan sumbangan Ibnu Khaldun terhadap tamadun manusia **kecuali** _____

- A manusia lebih bertamadun.
- B karyanya menjadi bahan kajian dan rujukan
- C idea pemikirannya sering menjadi wacana
- D wujudnya sebuah anugerah ilmiah berprestij

- Mengumpulkan 600,000 hadis.
- Pengumpulan hadis memakan masa selama 16 tahun.
- Digelar sebagai Amirul Mukminin di kalangan ahli hadis

19 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan ilmu hadis yang dibawa oleh imam _____.

- A Bukhari rahimahullah
- B Abu Hanifah rahimahullah
- C Malik bin Anas rahimahullah
- D Ahmad bin Hanbal rahimahullah

- Menghasilkan kitab al-Muwatto'.
- Seorang ahli ijthad yang terkenal dan terkemuka.
- Kitabnya menjadi sumber rujukan dalam ilmu tafsir, hadis dan fekah.

20 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan Imam _____.

- A Bukhari rahimahullah
- B Abu Hanifah rahimahullah
- C Malik bin Anas rahimahullah
- D Ahmad bin Hanbal rahimahullah

21 Semua yang berikut ialah sumbangan Sheikh Muhammad Abduh dalam bidang pendidikan khususnya di Universiti al-Azhar **kecuali** _____.

- A mewujudkan mata pelajaran ilmu fardhu ain.
- B mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil.
- C memperbaiki asrama pelajar dari aspek keselamatan dan kesihatan.
- D menyediakan peruntukan untuk gaji guru dari perbendaharaan negara.

- Dilahirkan di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.
- Pengarang kitab Tafsir al-Azhar.
- Bapanya seorang ulama terkenal.

22 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A al-Sayid Jamaluddin al-Afghani.
- B al-Sheikh Muhammad Abduh.
- C al-Sheikh Tahir Jalaluddin.
- D HAMKA.

23 Pilih pernyataan yang benar sebab Hamka tersohor di Nusantara.

- A Sumbangannya dalam bidang agama, falsafah dan kesusasteraan
- B Membangkitkan semangat menentang British di Indonesia
- C Semua karyanya difilemkan
- D menentang Gerakan Islah